

**TEKS UCAPAN UCAPTAMA
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**PERSIDANGAN
JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
ANGKASA 2022**

29 JULAI 2022 (JUMAAT)
3.00 PETANG
AVILLION ADMIRAL COVE RESORT
HOTEL, PORT DICKSON

Bismillahhirrahmannirrahim
Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh

Terima kasih Saudara Pengacara
Majlis

Yang Berbahagia Dato'
Shaharudin Bin Mohd Sa'ad
Pengerusi Jawatankuasa Audit
Dalam ANKASA

Yang Berusaha Tuan Haji
Zaharuddin Bin Alias, Setiausaha
Jawatankuasa Audit Dalam
ANGKASA

Yang Berusaha
Barisan Jawatankuasa Audit
Dalam ANGKASA
Dr. Ainuddin Bin Bahari

En. Muhammad Salim Bin Md Dom
En. Zaini Bin Sa'ad

Yang Berusaha

Puan Haslinda Hamzah

Pengurus

Unit Audit Dalam ANGGKASA

Pegawai-Pegawai Unit Audit Dalam ANGGASA

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Selamat
Petang.

1. Alhamdulillah, pertama sekali saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama hadir secara 'virtual' bagi menjayakan

Program Persidangan Jawatankuasa Audit Dalaman Angkasa yang diadakan melalui Aplikasi Zoom ini.

2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Juruadit-Juruadit Dalaman Koperasi yang mengikuti program ini. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih dan penghargaan saya

kepada Yang Berbahagia Dato' Shaharudin Bin Mohd Sa'ad, Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam ANGGASA atas inisiatif menganjurkan persidangan ini, dan kesudiannya menjemput saya bagi merasmikan Persidangan Jawatankuasa Audit Dalam Angkasa.

Hadirin Dihormati Sekalian...

3. Untuk makluman, Program Persidangan Jawatankuasa Audit Dalam Angkasa merupakan platform kepada Jawatankuasa Audit Dalam (JAD) dan Unit Audit Dalam (UAD) untuk bertukar dan berkongsi maklumat, pengetahuan

dan pengalaman berkaitan perkembangan pengauditan, isu-isu dan cabaran semasa yang berkaitan.

4. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk semakin penambahbaikan berterusan terhadap peningkatan '*Quality Assurances*' pengurusan penyediaan

perkhidmatan pengauditan dari aspek proses, prosedur dan pelaporan yang dibangunkan.

5. Melalui Program Persidangan Jawatankuasa Audit Dalaman ini juga, dapat memberi pendedahan kepada perubahan persekitaran dalam memastikan sasaran dan skop

pengauditan adalah memberi impak berkesan kepada Jawatankuasa Tertinggi, Pengurusan dan tadbir urus ANGKASA.

6. Selain itu, semakan pelaksanaan pelan tindakan terhadap isu dan cabaran prestasi aktiviti tahunan sebelumnya dapat dipertengahan

melalui program ini. Dalam pada itu, program ini juga satu platform untuk mengkaji penambahbaikan berterusan berkaitan sasaran dan skop pengauditan mengikut perubahan dari masa ke semasa.

Hadirin Dihormati Sekalian...

7. Sektor koperasi perlu sentiasa ditadbir urus berlandaskan prinsip-prinsip akauntabiliti, integriti, ketelusan dan kecekapan (*efficiency*) kerana koperasi milik bersama anggota-anggota. Kegagalan sesebuah koperasi akan memberi kesan kepada keseluruhan anggota-anggotanya. Oleh sebab itu, koperasi perlu ditadbir

urus dengan baik. Amalan tadbir urus yang berkesan akan memastikan koperasi diurus secara telus dan berhemah yang dilaksanakan melalui keseimbangan aktiviti pengambilan risiko dan kehematan perniagaan. Ini bertujuan untuk memaksimumkan pulangan kepada anggota di

samping melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan.

8. Institusi audit, sebenarnya berperanan penting untuk memastikan prinsip-prinsip ini dihayati dan dilaksanakan sepenuhnya sepanjang masa secara berkesan

melalui peranan yang dimainkan
Juruaudit Dalaman Koperasi (JAD).

9. JAD merupakan satu komponen penting dalam sistem tadbir urus baik koperasi. JAD berperanan memastikan keseluruhan sistem tadbir urus koperasi berjalan dengan penuh integriti. Bagi memenuhi tuntutan ini, perlantikan

seseorang JAD hendaklah dibuat dengan teliti, dipilih daripada kalangan anggota-anggota yang berintegriti tinggi. Dengan integriti tinggi, JAD yang dilantik dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan berkesan dalam menyediakan penilaian yang bebas dan boleh

menjadi petunjuk terhadap pematuhan undang-undang, dasar-dasar dan prosedur sedia ada.

10. Peranan juruaudit yang bebas, kompeten dan berkeLAYAKAN adalah penting dalam proses tadbir urus. Ini termasuklah mengenal pasti masalah dalam pengurusan risiko, sistem

kawalan dalaman, teknologi maklumat dan komunikasi serta memastikan penyata kewangan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai transaksi kewangan dan kedudukan hal ehwal koperasi.

11. Kredibiliti aktiviti pengauditan sangat penting untuk mengukuhkan tadbir urus sektor koperasi. Justeru itu, kerajaan melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sentiasa mempergiatkan usaha untuk meningkatkan akauntabiliti dalam pengurusan koperasi. Melalui akauntabiliti ini, Juruaudit dapat

membuat penilaian secara objektif terhadap pengurusan kewangan dan menetapkan standard yang minimum untuk prestasi yang lebih baik.

12. Sebagai pendekatan memartabatkan koperasi dalam melahirkan sistem pengauditan yang efisien dan seterusnya melahirkan

budaya akauntabiliti dalam koperasi, pihak ANGKASA menganjurkan persidangan pada hari ini.

13. Akhir kata, saya dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim merasmikan Persidangan Jawatankuasa Audit Dalaman ANGKASA Tahun 2021.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,
wassalamu'alaikum wa rahmatullahi
wa barakatuh.

Terima kasih.